

## Gempar **jumpa** anak buaya betina

Kuala Terengganu: Penduduk di Kampung Keluang, Besut, gempar susulan penemuan anak buaya betina seberat 20 kilogram dengan panjang dua meter di Sungai Keluang Besar, semalam.



HARIAN METRO

FOTO: HAZIRUL ROSELAN

Noor Ainum Ibnu Hajar  
Abu Seman  
amg@metro.com.my

Jerantut

**"T**idak pernah terlintas di hati untuk menjual Pok Jab, malah jauh sekali mahu menjadikannya korban.

"Pok Jab akan kami jaga selagi terdapat. Hanya Tuhan saja tahu siapa antara kami yang akan 'pergi' dulu," kata Nordin Ali, 50.

Nordin adalah pemilik kambing jantan baka tempatan berwarna putih diberi nama Pok Jab yang satu ketika dulu pernah viral di laman sosial Facebook (FB) apabila dibawa bersiar-siar seperti haiwan peliharaan lain dan dipakaikan lampin pakai buang persis bayi.

Bapa kepada dua anak itu berkata, niarnya membela haiwan ternakan berkenaan bukan untuk dijadikan korban, jauh sekali dijual tetapi sebagai peneman di kala dua anaknya tinggal berseorangan.

Katanya, nama Pok Jab dipilih mengikut takwim Islam sempena kelahiran kambing berusia enam bulan itu pada 1 Rejab lalu.

"Pok Jab diambil ketika ia berusia sehari daripada abang saya (Saharudin Ali, 60) yang juga penternak kambing kecil-kecilan di Kampung Pedah, di sini.

"Abang menyerahkan Pok Jab kepada saya ketika itu kerana ibunya tidak mahu menyusukan (kambing itu) selepas ia dilahirkan.

"Sejak itu, saya dan isteri, Samitah Mohd Ludin, 46, menjaganya seperti anak sendiri," katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Permai In-



## Pok Jab teristimewa

■ **Pemilik pelihara kambing jantan seperti anak sendiri**

NORDIN bersama kambing jantan dinamakan Pok Jab yang dipakaikan lampin pakai buang.

dah, di sini, semalam.

Pesara polis itu berkata, Pok Jab dijaganya dan isteri seperti bayi manusia biasa.

"Kami memberi Pok Jab susu dalam botol dan apabila ia besar sedikit, kami memberikannya bijirin gandum serta dedak empat kali sehari.

"Lampin pakai buang pula dipakaikan untuk mengelak

Pok Jab membuang najisnya merata-rata," katanya memaklumkan kambing itu dimandikan empat hari sekali menggunakan sabun mandi bayi dan haiwan sebelum badannya dikeringkan dengan pengering rambut.

Menurutnya, dia dan isterinya menghabiskan masa sekurang-kurangnya dua jam sehari untuk menguruskan anak 'bongsunya' itu.

Sementara itu, Samitah berkata, Pok Jab 'anak' yang pemalu dan manja sehingga

tidak boleh dibiarkan berseorangan.

"Jika dikelilingi orang ramai, Pok Jab menyondol manja orang berhampirannya untuk meminta susu biarpun bukan masa ia minum.

"Pok Jab juga perlu dibawa naik kereta bersama setiap kali saya dan suami keluar melawat dua anak yang belajar di Perak kerana ia 'memberontak' apabila ditinggalkan di rumah dalam perjalanan lama kerana kesunyian," katanya.



NORDIN membawa Pok Jab bersiar-siar.

**FAKTA**  
Pok Jab diberi susu dalam botol serta bijirin gandum dan dedak empat kali sehari

## Tanah Merah

### Imam rugi RM5,000 enam kambing lesap dari kandang

Seorang imam kerugian lebih RM5,000 apabila enam kambingnya dicuri dari kandang di rumahnya di Kampung Kusial Baru, di sini, malam kelmarin.

Mangsa, Abu Samah Abdul Hamid, 47, berkata, dia hanya menyedari kehilangan itu jam 8 pagi ketika memberi makanan kepada kambing peliharaannya di kandang terletak bersebelahan rumahnya.

"Sebaik menghampiri kandang, saya ternampak rantai dan mangga pintu kandang itu terlerai.

"Selepas menjenguk ke dalam, saya terkejut mendapati enam daripada sembilan kambing peliharaan berusia dua minggu hingga setahun tiada di dalam kandang," katanya ketika ditemui di tempat kejadian, di sini, semalam.

Abu Samah berkata, dia

percaya kambingnya dibawa lari menggunakan kereta selepas menemui kesan tayar kenderaan itu berdekatan kandang kambing.

"Saya percaya ia dilakukan lebih daripada seorang. Berikutan kejadian ini, saya menanggung kerugian lebih RM5,000 apabila setiap kambing berharga RM700 hingga RM900 dicuri," katanya di sini,

semalam.

Beliau berkata, kejadian kecurian kambing itu adalah kali pertama sejak memulakan usaha memelihara haiwan berkenaan tujuh tahun lalu.

"Susulan itu, saya bersama penduduk kampung menjalankan operasi mencari kambing berkenaan. Laporan polis juga dibuat pada pagi hari kejadian," katanya.



ABU Samah menunjukkan keadaan kandang kambingnya yang dipecah masuk pencuri.